

Jangan guna visa umrah, pelancong untuk tunai haji

MOTAC ingatkan syarikat pengendali akur peraturan Arab Saudi

Putrajaya: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengingatkan umat Islam di negara ini, terutama bakal jemaah umrah supaya tidak menyalahgunakan visa pelancong dan visa umrah bagi tujuan menunaikan ibadah haji.

MOTAC dalam kenyataan semalam, memaklumkan peringatan itu bagi memastikan tiada jemaah umrah yang mengambil kesempatan tinggal lebih masa di Tanah Suci sehingga masuk musim haji.

Kementerian itu bertanggungjawab mengeluarkan lesen kepada agensi pelancongan dalam bidang umrah dan seterusnya



mengawal selia aktiviti berkaitan. Musim haji dijangka bermula minggu ketiga bulan depan.

MOTAC turut mengingatkan syarikat pengendali umrah dan jemaah supaya menyelesaikan ibadah berkenaan sebelum sesi musim haji bermula, selain akur

dengan peraturan semasa yang ditetapkan kerajaan Arab Saudi.

"MOTAC memandang serius berhubung perkara itu (salah guna visa pelancong, visa umrah untuk tunai haji) kerana ia melibatkan kepentingan dan keselamatan jemaah umrah.

"Kementerian berusaha menghalang perkara yang tidak diinginkan, selain menjaga hubungan baik yang telah terjalin di antara kerajaan Malaysia dan Arab Saudi," menurut kenyataan itu.

Ia juga memaklumkan, salah guna visa pelancong dan visa umrah bagi tujuan menunaikan ibadah haji menjadi satu kesalahan di bawah peraturan Kerajaan Arab Saudi, iaitu menunaikan ibadah haji tanpa mempunyai permit yang sah.

Iktiraf permit dikeluarkan TH

Selain itu, Arab Saudi hanya mengiktiraf permit haji dikeluarkan institusi bertauliah bagi setiap negara seperti Lembaga Tabung Haji (TH) untuk Malaysia.

Menurut MOTAC, tindakan sewajarnya akan diambil jika terbukti ia melibatkan syarikat pengendali umrah yang dilesenkan kementerian itu.

Kementerian itu turut meminta rakyat Malaysia yang melancong dan mengerjakan umrah agar sentiasa menjaga nama baik negara semasa berada di luar negara. **BERNAMA**